

**Parlimen: 62 Peratus Pelaburan Swasta Dicapai Dalam ETP  
Bernama  
23 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama)-- Pelaburan swasta mencecah RM51.2 bilion, yang merupakan 62 peratus daripada sasaran tahunan menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP), kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata menerusi program itu, sebanyak RM285 bilion Pendapatan Negara Kasar (GNI) dicapai selain menjana 344,100 pekerjaan.

"Kerajaan akan memantau kemajuan ETP setiap tahun untuk memastikan pelaksanaan berlaku dan hasilnya diterbitkan dalam laporan tahunan ETP yang akan dikeluarkan pada suku pertama 2012," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, di sini pada Rabu.

Beliau menjawab soalan Ooi Chuan Aun (DAP-Jelutong) yang mahu tahu prestasi kewangan bagi semua projek dalam projek permulaan (EPP) di bawah ETP.

Najib berkata di bawah ETP, kerajaan memainkan peranan sebagai fasilitator terhadap syarikat swasta untuk memudahkan pelaburan oleh syarikat asing dalam dan luar negeri supaya mendorong penambahan GNI dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Beliau berkata mesyuarat jawatankuasa pemandu memantau projek-projek permulaan (EPP) pada setiap bulan bagi memastikan segala pelaburan dan projek itu dilaksanakan dengan lancar kerana ia penting kepada penjana ekonomi negara.

"Oleh kerana projek di bawah ETP dimiliki syarikat swasta, risiko kewangan adalah di bawah tanggungan syarikat berkenaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk S.K Devamany semasa menjawab soalan Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin) berkata setakat ini, sebanyak 97 EPP bernilai RM171 bilion pelaburan komited menghasilkan RM228 bilion dalam GNI dan menjana sebanyak 372,361 pekerjaan sehingga 2020.

"Itu menunjukkan kerajaan berada pada arah yang betul untuk mencapai sasaran dan yakin momentum itu dapat diteruskan sehingga tahun depan," katanya pada sesi soal jawab.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629233>